

Headline	TNB terus labur dalam teknologi baharu tingkat kecekapan		
MediaTitle	Kosmo		
Date	23 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	115,967	Readership	406,000
Section	Niaga	Page No	L-52
ArticleSize	139 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 3,626		



## TNB terus labur dalam teknologi baharu tingkat kecekapan

**KUALA LUMPUR** - Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan terus melabur dalam teknologi baharu bagi operasi utamanya iaitu penjanaan, penghantaran dan pembahagian tenaga elektrik untuk meningkatkan lagi kecekapan.

Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Seri Ir. Azman Mohd. berkata, penjanaan arang batu baharu TNB dilengkapi dengan teknologi dandang super-kritikal terkini manakala bahagian penghantaran dan pembahagian pula sedang melaksanakan komponen terbaharu bagi operasi grid pintar.

“Sebagai contoh, *Distribution Automation* yang kami pasang akan membolehkan kami mengurangkan kerugian, mengesan kerosakan dan memulihkan bekalan dengan lebih cekap.

“Prasarana perintis ini dirancang dilaksanakan di Bukit Bintang, Kuala Lumpur dan Bayan Lepas, Pulau Pinang,” katanya dalam Laporan Tahunan 2013 syarikat.

Hasil daripada pelaburan dalam

teknologi baru-baru itu, Azman berkata, TNB mencatatkan Indeks Purata Tempoh Gangguan Sistem (SAIDI) yang memberangsangkan pada 64.63 minit bagi setiap pelanggan setahun, yang setanding dengan tahap kebolehpercayaan penyedia perkhidmatan rangkaian di negara-negara maju.

Bagi memanfaatkan teknologi untuk memberi keselesaan kepada pelanggan, TNB telah memperkenalkan myTNB, aplikasi mudah alih pertamanya yang membolehkan pengguna memeriksa maklumat bil, status permohonan dan lokasi pusat pelanggan TNB.

“Kami juga berusaha mendekati pelanggan kami dan membolehkan mereka berkomunikasi dengan kami menerusi SMS, e-mel atau sistem respons serta-merta kami di laman Facebook dan Webchat,” katanya.

TNB juga akan menambahkan bilangan Kios Pembayaran di Pusat Khidmat Pelanggannya kepada 30 dan sebanyak 37 kios baharu akan ditambah dalam Tahun Kewangan 2014. - Bernama

